



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 25 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	11 COMPANIES PARTICIPATE IN SMART SBB PROGRAMME, NATION, KWONG WAH YIT POH -A14b PROGRAM SMART SBB DIJANGKA TINGKATKAN PENDAPATAN SAWAH, UTUSAN BORNEO -ONLINE SMART SBB TINGKAT EKONOMI PESAWAH, NASIONAL, SH -14 USAHAWAN PERTANIAN DIGALAK JADIKAN LADANG SEBAGAI KAWASAN AGROPELANCONGAN, NASIONAL, SH -14 RATUSAN ITIK MATI AKIBAT DEDAK MURAH, DALAM NEGERI, UM -31 LADANG TERNAKAN SEMAKIN KURANG, DALAM NEGERI, UM -31	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7. 8. 9. 10.	MAQIS LANCAR 'TIADA BULAN TANPA SEBULAN', NASIONAL, SH -19 MAQIS RAMPAS BULUH TUAH BERNILAI LEBIH RM52,000, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -20 BULUH BERTUAH BERTUKAR JADI MALANG, NEGARA, KOSMO -14 GAGAL EKSPORT 850KG UBI KENTANG HARAM, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
11. 12. 13. 14. 15. 16.	4 NELAYAN DISEKUP TANGKAP IKAN DI KAWASAN LARANGAN, NEGARA, KOSMO -18 USAHAWAN TEKNOLOGI KURANGKAN KEBERGANTUNGAN SUMBER LUAR, KOMENTAR, BH -11 PENYAKIT 'HANTUI' PESAWAH, RENCANA, UM -16 PERGIAT R&D KESIHATAN, PERTANIAN, FORUM, UM -18 MAHU HUKUMAN BERAT KE ATAS PENGANIAYA HAIWAN, FORUM, UM -18 KOPSTAR SEDIA PADANG RAGUT BANTU PENTERNAK, DARUL IMAN, HARAKAH -H20	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	11 companies participate in Smart SBB programme		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	25 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A14b	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	368 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,126
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,378



农业及农基部见证

11家米商 签署参与

大规模稻田精明计划



罗南建迪（左2）参观展览柜台，了解各家公司稻米生产的详情。

【布城 24 日讯】农业部周二推介改良后的大规模稻田精明计划，稻米产量可从 3.5 公吨提高至 7 公吨，而每公顷稻田的净收入可从 5400 令吉提高至 1 万 5600 令吉。

此外，预计稻农的年度平均收入，也可从 5900 令吉提高至 7900 令吉。

农业及农基工业部长拿督斯里罗南建迪昨天（23 日）在布城，见证 11 家米商签署参与新模式的大规模稻田精明计划的备忘录说，这是吸取过去计划中的弱点而经过改良的新模式。

“这包括减少对政府财政的依赖，透过合约或租的方式经营稻田，也让私人稻米商参与稻米生产的计划，同时激励及减少中间人时常向

稻农征收高额服务费的现象。”

参与该项计划的 11 家米商为 Pugetum、Sitaran Murni、Eco Agro Pentagono、CC Jaya Innovation、Haritamas、Sentosa、Jelapang Padi Emas、Kilang Beras Bawang、Kilang Beras Rakyat、Sekinchan、RCV Integrated Farming、国家稻米公司以及马来西亚米商协会。

罗南建迪说，这 11 家公司是扮演项目管理以及服务供应者的角色，如使用插秧机、收割机、施肥肥料及农药的使用，同时也可以购买或处理生产的稻米。

他指出，预计这些公司每年为这 15 万公顷的稻田，共投资了 9 亿令吉至 10 亿令吉之间。

他说，国内的大部分稻米领域依然没有经济导向，少于 2 公顷的稻田依然没有被充分的使用。

他说，政府希望可以在《第 12 大马计划》，将稻米自给自足的目标从现在的 70% 提高至 75%，目前我国尚有 30% 的白米从外国进口。

“透过这项计划将 2019 年 3.5 公吨的稻米，提高至第 12 大马计划下的 7 公吨。”

他说，首阶段的计划将于 5 月或 6 月期间开始，涉及 15 万公顷的稻田。

他在最后的记者会上说，稻田管理不当，是影响稻米收成原因之一。

“稻种当然是影响收成的因素之一，但稻田管理的问题也很重要。”

他举例，吉兰丹州过耕种的私人稻田，每公顷的年产量为 9 公吨，但是联邦农业综合发展局（IADA）、联邦农业发展机构（MAOA）以及棉兰莪农业发展局（KADA）管理留下的稻田，每公顷只能生产 4.28 公吨的稻米。

他说，若稻田更有效管理可以获得更好的产量。#

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Program SMART SBB dijangka tingkatkan pendapatan pesawah



TERMETERAI: Kiangde (dua kanan) menyaksikan MoU antara Timbalan Ketua Setiausaha Dasar MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid (kiri) dengan Pengarah Urusan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) Ismail Mohamed Yusoff (kanan) pada Majlis Sesi Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Projek Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Syarikat Peneraju di Wisma Tani, semalam. Turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi. —

PUTRAJAYA: Program Smart Sawah Berskala Besar atau SMART SBB dijangka akan meningkatkan pendapatan golongan sasaran program iaitu para pesawah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiangde berkata, program ini dijangka akan meningkatkan

purata pendapatan pesawah daripada RM5,000 setahun kepada sehingga RM7,900 setahun.

"Manakala, pendapatan bersih per hektar dalam setahun pula dijangka meningkat daripada RM5,400 sehingga ke RM15,600 sekiranya purata produktiviti per hektar meningkat daripada 3.5 tan metrik kepada sasaran 7.0 tan metrik."

"Program SMART SBB turut menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar nasional daripada purata hasil semasa sebanyak 3.5 tan metrik pada tahun 2019 kepada 7.00 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12).

"Meskipun ada sebahagian kecil kawasan dalam jelapang yang mencatatkan pengeluaran melebihi 10.00 tan metrik per hektar pada masa ini, namun sebahagian besar kawasan jelapang dan keseluruhan kawasan luar jelapang hanya mencatatkan purata hasil per hektar masing-masing sebanyak 4.4 tan metrik dan 2.5 tan metrik pada tahun 2019," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) Projek SMART SBB antara kerajaan dengan 11 syarikat peneraju bagi pelaksanaan program SMART SBB di kementeriannya semalam.

Mengulas lanjut, Kiangde berkata, SMART SBB yang akan disertai oleh Syarikat-Syarikat Peneraju untuk membangunkan kawasan penanaman padi dengan sasaran seluas 150,000 hektar semusim bagi fasa pertama secara berperingkat menerusi pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya.

"Mengambil kira beberapa kelemahan yang wujud dalam program berskala besar terdahulu, kementerian telah mengenal pasti beberapa langkah dalam memperkasakan industri antara lain, untuk turut melibatkan pelaburan pihak industri itu sendiri melalui Syarikat Peneraju yang secara langsung akan mengurangkan tanggungan kewangan kerajaan dari segi input pertanian bersubsidi dalam tempoh jangka panjang."

"Pada masa sama, program ini memberikan pendekatan baharu dalam industri melalui konsep pertanian moden seperti pelaksanaan sistem profil tanah dan pertanian pintar."

"Selain itu, program SMART SBB ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak atau sewaan melalui satu pengurusan sekali gus dapat mengoptimalkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil lepas tuai," katanya.

Menurut beliau lagi, program SMART SBB ini adalah penting berikutan terdapat keperluan bagi menangani isu ancaman terhadap kemampuan sara diri negara terhadap beras.

Katanya, SMART SBB akan membantu negara untuk mencapai sasaran SSL beras yang telah ditetapkan dalam tempoh RMKe-12 iaitu sebanyak 75%.

"Pelaksanaan program SMART SBB juga akan membuka peluang kepada Syarikat-Syarikat Peneraju untuk memainkan peranan dalam keseluruhan atau mana-mana peringkat rantaian nilai industri padi dan beras negara pascapandemik COVID-19," katanya.

Smart SBB tingkat ekonomi pesawah

Inisiatif kerajaan bagi menangani isu sekuriti makanan negara

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) dijangka dapat meningkatkan purata pendapatan pesawah daripada RM5,000 kepada RM7,900 setahun.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, pendapatan bersih sehektar pula dijangka meningkat daripada RM5,400 sehingga ke RM15,600 setahun jika purata produktiviti sehektar meningkat daripada 3.5 tan metrik kepada sasaran tujuh tan metrik.

"Dengan pelaksanaan program ini, hampir semua risiko dan kos penanaman padi sebelum ini yang ditanggung pesawah akan dapat dikurangkan," katanya pada sidang akhbar selepas me-



Ronald (dua dari kanan) melawat gerai pameran selepas menyudahkan majlis menandatangani MoU Smart SBB antara MAFI dengan 11 syarikat peneraju di Putrajaya pada Selasa.

nyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) Smart SBB antara kerajaan dan 11 syarikat peneraju di sini pada Selasa.

MoU berkenaan ditandatangani Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid selaku wakil kerajaan dengan syarikat yang terlibat iaitu Padiberas Nasional Berhad (Bernas), FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd serta Eco Agro Pentagon Sdn Bhd.

Ronald berkata, sasaran bagi pelaksanaan Smart SBB adalah seluas

150,000 hektar bagi fasa pertama yang dijalankan secara berperingkat.

Menurutnya, ia akan dijalankan menerusi pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontak, sewaan dan sebagainya.

"Smart SBB juga dijangka membantu negara mencapai SSL beras yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) iaitu sebanyak 75 peratus.

"Program ini turut menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar nasional daripada 3.5 kepada tujuh tan met-

rik dalam tempoh RMK12," katanya.

Beliau berkata, MAFI akan menerajui Smart SBB dalam penentuan dasar dan polisi, penyusunan strategi berkaitan serta penyediaan peruntukan kesemua input dan output pertanian bersubsidi.

"Peranan Kementerian antara lain adalah menentukan dasar benih padi sah, kebenaran pindah padi dan sebagainya.

"Sebanyak 11 syarikat peneraju berkenaan akan berfungsi sebagai pengurusan projek dan penyedia perkhidmatan seperti penggunaan dron, penyedia jenteraan serta pembajak.

"Syarikat itu juga akan menyelia pengguna baja dan racun menerusi pertanian kontak dengan pesawah terlibat, selain boleh juga bertindak selaku pembeli dan pengilang bagi padi yang dihasilkan," katanya.

Ronald berkata, konsep tersebut akan menghapuskan atau mengurangkan peranan orang tengah yang sentiasa mengenakan caj perkhidmatan tinggi bagi sewaan mesin dan jentera.

"Pelaburan syarikat-syarikat peneraju dianggarkan sebanyak RM900 juta sehingga RM1 bilion setahun," katanya.

Usahawan pertanian digalakkan jadikan ladang sebagai kawasan agropelancongan

KAJANG - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menggalakkan usahawan pertanian menjadikan ladang mereka sebagai

kawasan agropelancongan dengan mempelbagaikan produk jualan dan tanaman.

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, kementerianya boleh memberi nasihat dan panduan kepada usahawan pertanian yang berminat terutama di bawah program Agropreneur Muda.

Menurutnya, agropelancongan akan membantu menambah pendapatan, selain menjual

produk untuk dimakan.

"Kita menggalakkan usahawan mempelbagaikan tanaman mereka, selain dijadikan sebagai lokasi pelancongan," katanya kepada pemberita ketika melawat Ladang Saudagar Nanas Kampung Sungai Merab di sini pada Selasa.

Hadir sama, Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Selangor, Muhammad Yusni Ramelan; Pengarah Unit Agropreneur Muda, Mohammad Ezri



Haslina (kanan) dan Mohd Noorhardy menunjukkan buah nanas jenis MD2 yang ditanam di Ladang Saudagar Nanas Kampung Sungai Merab, Kajang pada Selasa.



MOHD NOORHARDY



HASLINA



Haslina (kanan), Muhammad Yusni (dua dari kanan) dan Mohammad Ezri (kiri) mendengar penerangan daripada Mohd Noorhardy (dua dari kiri) tentang penghasilan buah nanas di Ladang Sungai Merab pada Rabu.

Shamsuddin dan penguasa Ladang Saudagar Nanas, Mohd Noorhardy Mohd Noorzain.

Mohd Noorhardy, 41, yang mengusahakan ladang nanas seluas lapan hektar itu merupakan peserta Agropreneur Muda.

Haslina berkata, ladang berkenaan bakal dijadikan pusat agropelancongan bagi tanaman nantas.

"Selain menyediakan kafe yang terletak di puncak bukit dengan berlatar

belakangkan pemandangan Bandar Baru Bangi, Ladang Saudagar Nanas juga akan menyediakan pelbagai aktiviti pelancongan dan pendidikan.

"Antara produk yang akan disediakan di Ladang tersebut ialah karpap, jus, smoothie, kopi, ketupat dan rendang yang kesemuanya berasaskan nanas.

"Ia juga berpotensi menjadi tempat menyediakan pendidikan kepada pelajar sehinggalah

usahawan tani yang mahu menimba ilmu untuk mengenali industri nanas," katanya.

Sementara itu, Mohd Noorhardy berkata, ladang yang dijangka dibuka kepada pengunjung pada pertengahan Mei tahun ini akan memperkenalkan pelbagai jenis nanas yang ditanam di kawasan berkenaan.

"Saya juga mahu memberi peluang kepada pengunjung merasai sendiri pengalaman memetik buah nanas," katanya.



WAN Azman Wan Ibrahim melihat ternakan itiknya makan di Kampung Delima, Tumpat, Kelantan.

Ratusan itik mati akibat dedak murah

Oleh ZAAIN ZIN dan
ROSLIZA MOHAMED
utusannews@mediamak.com.my

TUMPAT: Sesiapa pun pasti kecewa jika haiwan ternakan yang diharap menjadi punca rezeki utama keluarga, tiba-tiba mati seekor demi seekor hampir setiap hari tanpa sempat menikmati hasilnya.

Kejadian yang cukup membimbangkan itu terpaksa ditempuh penternak itik penelur di Kampung Delima di sini, Wan Azman Wan Ibrahim yang berputih mata apabila beratus-ratus itik ternakannya mati dalam tempoh empat bulan ini.

Menceritakan punca kejadian itu kepada *Utusan Malaysia*, penternak kurang upaya yang cacat di kaki itu berkata, harga dedak naik melambung sehingga 40 peratus lebih mahal sejak tahun lalu memaksa dia mencari makanan lebih murah untuk itik-itiknyanya.

Namun, katanya, musibah melanda apabila itik itu mula berhenti bertelur, dipercayai akibat kekurangan zat khususnya protein kesan daripada memakan 'dedak' murah yang

tidak berkualiti.

Lebih malang, katanya, sekitar 20 hingga 50 itik-itiknyanya dijumpai mati bergelimpangan hampir setiap hari.

"Saya ternak itik sejak 2016 dan pernah meraih pendapatan sehingga RM40,000 sebulan hasil daripada pengeluaran sehingga 210,000 biji telur. Namun kini sudah menjunam telur selepas negara dicanam Covid-19.

"Sekarang itik saya berhenti bertelur sampai kami tiada pendapatan langsung selama empat bulan, iaitu sejak November hingga sekarang," katanya ketika ditemui di ladangnya, DDD Farm, di sini baru-baru ini.

Menurut Wan Azman, memikirkan kemungkinan lebih banyak itiknyanya mati, dia membuat keputusan menjual itik-itik tersebut supaya dapat menampung perbelanjaan membeli dedak berkualiti biarpun harganya semakin mahal.

Berbanding 1,500 hingga 2,000 ekor itik sebelum ini, jumlah itik di DDD Farm yang seluas 0.4 hektar kini tinggal kira-kira 1,000 ekor.

"Harga dedak untuk itik sekarang mencecah antara RM120 hingga RM140 untuk 50 kilogram berbanding sebelum ini hanya RM93 hingga RM95.

"Dalam sebulan, sebanyak 500 hingga 700 gumi dedak diperlukan. Kos makanan itik perlu ditanggung sekarang sekitar RM10,000 sebulan, tidak termasuk upah enam pekerja saya," katanya.

Blarpun berdepan kerugian, Wan Azman berkata, dia sanggup menggunakan segala wang simpanan yang ada untuk mempertahankan ladang itu selain cuba mengekalkan keenam-enam pekerja sedia ada.

"Kami para penternak harap kerajaan cari jalan ringankan beban kami seperti memberi sumbangan peralatan atau modal untuk kami hasilkan sendiri dedak itik menggunakan kelapa dan pucuk ubi," katanya.

Wan Azman sebelum ini bekerja sebagai jurujual namun selepas kaki kirinya mengalami kecacatan kekal akibat kemalangan, dia membuat keputusan berhenti kerja dan ternak itik sepenuh masa pada 2016.

Ladang ternakan semakin kurang

TUMPAT: Pengeluaran telur itik secara komersial di negeri ini didapati meningkat tahun lalu berbanding sebelumnya, namun bilangan ladang penternakan itik penelur berkurangan sehingga 23 peratus bagi tempoh sama.

Berdasarkan statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada 2019, sebanyak 2.1 juta itik penelur ditenak di 204 ladang di seluruh negara dengan pengeluaran lebih 163.3 juta biji telur atau 11,494 tan metrik setahun.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, Kelantan mewakili 38 peratus daripada pengeluaran telur itik negara.

Kata beliau, pada 2019 terdapat 78 ladang itik penelur di seluruh negeri ini dengan kapasiti 30,234 itik yang mengeluarkan hasil sebanyak 2.2 juta biji telur atau 158.7 tan metrik setahun.

"Pada 2020, bilangan ladang itik berkurangan kepada 61 di seluruh negeri tetapi pengeluaran meningkat kepada 2.5 juta biji telur atau 177 tan metrik setahun.

"Dengan keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu

akibat pandemik Covid-19, kerajaan menyedari cabaran dihadapi penternak untuk terus konsisten dalam industri pengeluaran telur itik," katanya ketika ditemui selepas melawat ladang itik penelur DDD Farm di Kampung Delima, di sini baru-baru ini.

Kata Che Abdullah, antara cabaran utama yang sedang dihadapi penternak itik adalah kenaikan harga makanan ternakan yang melambung tinggi.

"Maklum balas pemain industri dalam penternakan dan persatuan pengilang makanan ternakan mengesahkan berlakunya kenaikan harga makanan ternakan antara empat hingga lima peratus disebabkan kenaikan bahan mentah dedak seperti bijian jagung yang diimport dari luar negara," katanya.

Kata beliau, kerajaan merangka pelan cadangan intervensi bagi mengatasi masalah itu seperti mengadakan kerjasama strategik agensi bersama pemain industri bagi meningkatkan pengeluaran jagung bijian tempatan berkualiti secara komersial dan memenuhi standard pengilang makanan ternakan.



LADANG penternakan itik telur di Kelantan berkurangan 23 peratus pada tahun lalu.

Maqis lancar 'tiada bulan tanpa serbuan'

Susulan kegiatan kartel daging haram di Senai, Johor dilumpuhkan pada Disember lalu

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

PUTRAJAYA

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) terus agresif menjalankan risikan dan serbuan susulan kejayaan melumpuhkan kegiatan kartel daging haram di Senai, Johor pada Disember lalu.

Ketua Pengarah Maqis, Saiful Yazan Alwi berkata, Maqis menetapkan sasaran lebih besar dengan melancarkan operasi 'tiada bulan tanpa serbuan' bagi mencapai penunjuk prestasi utama (KPI) Maqis pada tahun 2021.

Malah menurutnya, Maqis sudah mengenal pasti lokasi-lokasi tempat penyimpanan dan penjualan kartel daging seperti

di kawasan sekitar Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Kedah dan Kelantan sejak Januari.

"Pada bulan lalu, Maqis bersama agensi penguatkuasaan lain berjaya merampas 53 tan daging sejuk beku di Pelabuhan Klang, lebih kurang 61 tan ayam sejuk beku dirampas di sempadan Thailand yang cuba diseludup melalui pintu masuk Bukit Kayu Hitam, Kedah.

"Sementara itu sebanyak 78 tan daging sejuk beku dirampas di Puchong pada awal Februari ini.

"Kejayaan ini diperoleh hasil daripada serbuan bersepadu yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan beberapa agensi penguat kuasa lain.

"Ini termasuk dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)," katanya.

Saiful Yazan berkata demikian ketika ditemui *Sinar Harian* di Ibu Pejabat Maqis di Putrajaya pada Selasa.

Sindiket lain cuba ambil alih

Dalam pada itu, beliau turut mendedahkan ada cubaan sindiket lain cuba mengambil alih kegiatan kartel daging haram di Senai, Johor setelah sindiket berkenaan ditumpaskan.

"Apa yang saya boleh katakan kegiatan kartel di Senai, Johor sudah lumpuh. Namun, saya tidak nafikan bahawa ada sindiket lain cuba untuk mengambil alih dan meneruskan kegiatan mereka," katanya.

Ini kerana katanya, ia berpunca daripada faktor permintaan yang masih tinggi apatah lagi kegiatan haram sedemikian tidak melibatkan peribayaran cukai sekali gus memberi keuntungan besar kepada mereka.

"Selagi ada permintaan maka selagi itu akan ada aktiviti-aktiviti penyeludupan. Malah sempadan negara kita sangat luas. Sungai, laut apatah lagi sempadan di Sabah dan Sarawak.

"Justeru, kami amat berharap masyarakat, badan bukan kerajaan atau sesiapa sahaja yang mempunyai maklumat untuk tampil dan salurkan kepada Maqis untuk tindakan risikan dan tangkapan," katanya.

Saiful Yazan menegaskan Maqis sangat serius dalam usaha menumpaskan sindiket berkaitan pada setiap masa.

"Sasaran tertinggi Maqis adalah apabila pengguna dapat produk yang selamat tetapi kalau mereka merasakan produk digunakan itu tidak selamat maka kita akan dilihat gagal melaksanakan tugas," tegasnya.

Kenal pasti modus operandi

Dalam pada itu katanya, banyak kejayaan diperoleh Maqis pada 2020 sebagai contoh 1,300 kes tangkapan dibuat dengan nilai dagangan melebihi RM100 juta di seluruh negara.

Katanya, mereka mengenal pasti tiga modus operandi yang digunakan.

"Pertama, pemalsuan dokumen. Kita ada satu kes di mana daging dibawa masuk dari New Zealand tetapi sijil kesihatan yang ditunjukkan seakan-akan asli.

"Bila kita periksa kuantiti dibawa itu adalah dalam jumlah agak besar, di situ memang agak meragukan. Pegawai ketika itu telah membuat semakan de-

ngan agensi berkaitan kita di New Zealand sebelum mengesahkan sijil itu palsu.

"Ini terbongkar kerana sijil yang dikeluarkan oleh negara terbabit ada ciri-ciri keselamatan yang sukar dipalsukan," katanya.

Modus operandi kedua pula katanya, Maqis mendapati ada pengeksport yang menjadikan pelabuhan negara ini sebagai transit sebelum mengedarkan barangan kepada ejen tertentu untuk dibawa masuk ke dalam negara.

"Apabila transit, mereka tidak perlukan borang K1. Mereka reka hanya perlu sijil halal dan menyebabkan daging itu terlepas.

"Disebabkan itu dengan cadangan pindaan akta Maqis, kita dalam proses daftarkan setiap ejen di pelabuhan. Jadi selepas ini hanya yang berdaftar sahaja dibenarkan beroperasi di bawah pemantauan kita," katanya.

Katanya, modus operandi seterusnya adalah dengan cara mengambil daging di Singapura di mana warga Malaysia akan masuk ke negara itu dengan menaiki kereta kononnya sebagai pelancong.

"Bila sampai di sana, mereka singgah di premis daging untuk mengambil bekalan daging dalam jumlah muatan sekitar 60 kilogram (kg) hingga 70 kg.

"Ini terbukti apabila ada penahanan dibuat semasa pemeriksaan di pintu masuk di Johor. Daging ini ada sijil kesihatan ketika masuk ke Singapura tetapi tiada sijil halal kerana Singapura tidak mewajibkan keperluan halal untuk aktiviti import daging mereka," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai pencapaian yang dilakarkan Maqis pada 2020, beliau berkata, statistik tahun lalu mencatatkan 1,300 kes dengan sitaan bernilai RM160 juta.

"Sasaran kita tahun itu (2020) bernilai RM121 juta tapi kita capai lebih dan ini bermaksud pegawai Maqis di lapangan dan pintu masuk sangat agresif dalam setiap tindakan.

"Saya mahu rakyat faham kita sentiasa laksana tugas bagi memastikan barangan makanan daging halal dan selamat digunakan masyarakat Islam dan rakyat Malaysia," katanya.

Kejayaan ini diperoleh hasil daripada serbuan bersepadu yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan beberapa agensi penguat kuasa lain."



SAPUL
YAZAN ALWI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	20

Maqis rampas buluh tuah bernilai lebih RM52,000

KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 8,000 kilogram buluh tuah (*lucky bamboo*) bernilai RM 52,486.87 ketika memeriksa sebuah kontena di Pelabuhan Klang pada Isnin.

Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hashim berkata, *lucky bamboo* itu dipercayai dari Indonesia dan tidak mematuhi syarat import Maqis sebagaimana yang dinyatakan dalam permit, lesen dan perakuan.

“Produk berkenaan dirampas dan ditahan kira-kira jam 10 pagi.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] kerana tidak mematuhi syarat import dan boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 15(2) akta sama,” katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, Maqis akan terus memperketatkan kawalan dan tiada kompromi ke atas biosekuriti barangan yang dibawa masuk dari luar negara bagi memastikan komoditi pertanian mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan.



Maqis merampas *lucky bamboo* seberat 8,000kg bernilai RM52,486.87 ketika melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kontena di Pelabuhan Klang pada Isnin.

Macjis rampas 8,000kg pokok hiasan lucky bamboo diseludup dari Indonesia

Buluh bertuah bertukar jadi malang

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KLANG - Hasrat satu sindiket untuk menyeludup 8,000 kilogram (kg) pokok hiasan lucky bamboo (buluh bertuah) dari Indonesia berkecal apabila dirampas pihak berkuasa di Pelabuhan Utara di sini semalam.

Pokok hiasan bernilai RM52,496 itu dikesan bendak dibawa masuk menggunakan sebuah kontena pada pukul 10 pagi oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Macjis) Selangor.

Pengarahnya, Zamri Hashiri berkata, siasatan awal mendapati kontena dari Indonesia telah tiba di pelabuhan itu sejak 16 Februari lalu.

Katanya, lucky bamboo itu adalah untuk pasaran dalam negara ini.

*Pemeriksaan menemui

8,000kg lucky bamboo bernilai RM52,496 yang dibawa masuk tanpa mematuhi syarat import Macjis seperti permit, lesen dan perakuan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, siasatan lanjut mendapati sebatang lucky bamboo dijual pada harga RM6.56 dan digunakan sebagai tanaman hiasan di rumah dan taman.

Difahamkan, pokok tersebut sering mendapat permintaan ramai kerana dikakwa boleh membawa tuah dan menolak sebarang unsur negatif kepada pemiliknya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 15(2) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara 6 tahun dan denda RM100,000 jika sabit kesalahan.



SEBAHAGIAN daripada 8,000kg lucky bamboo yang dirampas di Pelabuhan Utara, Klang kelmarin.

LUCKY bamboo didakwa membawa tuah dan menolak unsur negatif.



SALAH seorang suspek yang ditahan kerana menyeludup arak dan rokok di Klang semalam.

Sindiket seludup arak tumpas

KLANG - Satu sindiket penyeludupan dan pengedaran rokok serta minuman keras yang aktif sejak tiga tahun lalu di daerah ini tumpas dengan penangkapan tiga lelaki dalam dua serbuan berasingan semalam.

Dalam operasi selama sejam bermula pukul 12.30 tengah hari itu, kesemua suspek termasuk dua warga Bangladesh berusia 35 hingga 40 tahun ditahan.

Pemerintah Batalion 4 Pasukan Gerakan Am, Superintendan Rizal Mohamed berkata, tangkapan dilakukan selepas pihaknya terserempak dengan sebuah lori dalam keadaan mencurigakan di Jalan Solok Pandamar 1, Pelabuhan Klang di sini.

Katanya, hasil pemeriksaan terhadap lori itu menemui 85 karton minuman keras pelbagai jenama.

Lori itu ditahan ketika dalam perjalanan untuk menghantar arak seludup di kedai-kedai menjual minuman keras di kawasan berkenaan.

"Soal siasat kemudian membawa serbuan ke sebuah premis dipercayai stor penyimpanan barangan seludup di Taman Pandamaran Permai. Di dalam stor itu, kita menemui 136 karton rokok dan sembilan karton minuman keras pelbagai jenama," katanya.

Nilai kesemua rampasan rokok dan arak seludup termasuk cukai dianggarkan RM39,418.

Kata beliau, turut dirampas adalah sebuah lori, lima buah telefon bimbit dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM115,821.

Tambah Rizal, menerusi serbuan di premis itu, pihaknya menahan dua lelaki Bangladesh yang bertugas sebagai penjaga premis.

"Stor penyimpanan merupakan premis yang ditinggalkan dan keadaannya sangat kotor dan dipenuhi sampah sarap.

"Siasatan awal percaya stor itu telah beroperasi kira-kira dua tahun lalu sebagai transit sementara sebelum diagihkan kepada kedai-kedai runcit khususnya sekitar Pandamaran," katanya.

Gagal eksport 850kg ubi kentang haram

ISKANDAR PUTERI - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Macjis) merampas 850 kilogram (kg) ubi kentang tanpa permit eksport sah ke Singapura di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) kelmarin.

Pengarah Macjis Johor, Nur Afifah A. Rahman berkata, rampasan dilakukan ketika pihaknya membuat pemeriksaan rutin ke atas sebuah lori yang lalu di situ pada pukul 7.30 malam.

"Pemeriksaan menemui 1,000kg ubi kentang yang diletakkan di dalam 100 goni bernilai lebih kurang RM1,020 bersama sayur-sayuran lain.

"Daripada jumlah itu, hanya 150kg ubi kentang yang ada permit eksport, manakala baki cuba diseludup," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, pemandu lori berusia 27 tahun itu dibebaskan selepas benterangannya diambil. Menurut Nur Afifah, menjadi satu kesalahan jika mengeksport barangan pertanian dengan memberikan maklumat palsu, tidak tepat dan mengelirukan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 729) yang memperuntukkan hukuman penjara dua tahun dan dengan RM50,000.



Ubi kentang sebanyak 850kg yang dikesan diseludup ke Singapura tanpa permit eksport sah di KSAB, Iskandar Puteri kelmarin.

4 nelayan dicekup tangkap ikan di kawasan larangan

LUMUT – Tindakan enam nelayan warga Indonesia menangkap ikan di kawasan larangan menggunakan tiga bot pukat tunda membawa padah apabila mereka ditahan sepasukan Maritim Malaysia (APMM) Perak di perairan pantai dekat Sungai Burung, Bagan Datuk semalam.

Pengarah APMM Perak, Kepten Maritim Shahrizan Ramon berkata, ketiga-tiga bot itu dikesan di kedudukan 3.3 batu nautika hingga 4.2 batu nautika barat laut Sungai Burung yang dikategorikan sebagai Zon A perikanan pada pukul 12.10 tengah malam.

“Bot Penggalang 13 yang sedang melaksanakan Ops Pintas telah mengesan tiga bot men-

curigakan pada waktu berkegiatan di sekitar perairan Sungai Burung,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Shahrizan, hasil pemeriksaan mendapati ketiga-tiga bot tersebut adalah bot Kelas B iaitu untuk perikanan laut dalam yang dikendalikan oleh dua kru bagi setiap bot dan disyaki menggunakan pukat tunda di kawasan terlarang Zon A serta tidak mematuhi syarat sah lesen.

Katanya, kesemua enam kru warga Indonesia termasuk tekong berumur lingkungan 27 hingga 40 tahun itu, diiring ke Pusat Tahanan Vesel Kampung Bharu Sitiawan dekat sini bagi siasatan dan tindakan lanjut.



SALAH sebuah bot pukat tunda yang ditahan pasukan APMM Perak di perairan pantai dekat Sungai Burung, Bagan Datuk semalam.

Usahawan teknologi kurangkan kebergantungan sumber luar

COVID-19 membawa bersama impak kejatuhan ekonomi antara terburuk pernah dialami negara.

Banyak sektor terjejas dengan beberapa syarikat terpaksa gulung tikar. Jumlah pekerja kehilangan sumber pendapatan juga meningkat.

Namun, ada permintaan sektor tertentu seperti produk makanan, komoditi, ternakan dan beberapa sektor lainnya, meningkat ketika pandemik. Di sini, dapat dilihat pentingnya sumbang sektor ini kepada negara.

Pandemik membuka mata kita bahawa kebergantungan kepada bekalan luar masih tinggi. Kita mula geram jika bekalan negara labah dan kluatir jika bekalan negara luar terhady.

Contohnya, ketika awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu, bekalan temusu seperti keju terpaksa dihadkan atas kekurangan bekalan daripada negara luar.

Bagi menangani isu ini, pelbagai inisiatif dihangunkan negara untuk meningkatkan penghasilan produk yang mempunyai permintaan tinggi ini dalam kalangan pengusaha tempatan, se-

perti memberikan pelbagai bantuan kewangan, latihan dan skim geran.

Satu daripadanya mempergiatkan aktiviti inovasi. Teknologi lokal dilihat antara sumber yang mampu membantu meningkatkan ekonomi negara khususnya di luar bandar.

Sebagai contoh, mempergiatkan lagi pertanian moden berasaskan teknologi tinggi dan sektor perikanan berteknologi.

Sasarannya, supaya aktiviti itu lebih efisien dan mampu meningkatkan produktiviti, seterusnya meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

Jika dilihat indeks inovasi antara-bangsa 2020, penghasilan teknologi inovasi tempatan Malaysia pada tahap baik sebagai sebuah negara membangun, namun kadar pengkomersialan produk teknologi inovasi masih rendah.

Terdapat beberapa contoh produk penghasilan makmal kajian di Malaysia yang berjaya dikomersialkan, seterusnya dinikmati bersama komuniti.

Lantas, kita perlukan lebih ramai usahawan teknologi berdaya saing supaya dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber teknologi luar.

Jika disingkap sejarah pengasas produk Apple, satu ciri yang ada pada penciptanya adalah sikap 'kejuaraan'

yang tinggi.

Untuk itu, ilmu pengetahuan pada setiap graduan perlu dimanfaatkan dan dikongsi bersama dengan komuniti.

Antara tujuan utama pembelajaran pada peringkat tertinggi untuk melahirkan golongan profesional. Bukan sekadar memiliki sekeping ijazah dan gaji baik, namun sumbangannya kepada komuniti perlu disemaikan dalam jiwa.

Realitinya, kebanyakan graduan memilih makan gaji berbanding mencabar diri. Seharusnya mereka mempunyai semangat tinggi untuk menyumbang ilmu diperolehi, bagi menghasilkan lebih banyak teknologi tempatan berkualiti, seterusnya membantu sektor kritikal ini berkembang pantas.

Turut serta menerima manfaat hasil usaha ini adalah perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mana, pengusaha ini mempunyai keangkuhan kewangan.

Sudah tiba masanya graduan menyumbang segala ilmu intelek yang mereka perolehi dengan menghasilkan teknologi yang mampu menyumbang kepada komuniti di negara kita.

Namun, proses penghasilan idea inovasi baharu ini sangat mencabar, berbeza dengan konsep perniagaan sedia ada.

Pengkomersialan teknologi contoh-

nya sangat mencabar kerana ia memerlukan kepercayaan pengusaha tempatan terhadap teknologi itu.

Usaha ini satu usaha yang memakan masa agak lama. Namun yang penting, usaha tidak pernah putus dan sentiasa menerima cabaran yang hadir sepanjang proses pengkomersialan.

Tahun ini, ekonomi kita sangat memerlukan sumber dalaman untuk membantu mengembalikkan semula ekonomi rakyat dan negara.

Ini masa yang tepat untuk kita melahirkan lebih ramai usahawan teknologi tempatan; supaya kebergantungan kepada teknologi dan sumber luar dapat dikurangkan seterusnya dapat mengurangkan kos perbelanjaan negara terhadap sumber luar.

Rakyat Malaysia, terutama pengusaha tempatan, harus memberikan sokongan dan kepercayaan kepada teknologi penyelidik tempatan kita, sekali gus bersama merealisasikan aspirasi Malaysia untuk menjadi antara negara maju berpendapatan tinggi.

Penulis adalah Ketua Jabatan Siswazah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Penyakit 'hantui' pesawah



PESAWAH. Zamzuri Ishak melihat hasil padi yang dituai di kawasan sawah di Guar Sanji, Arau, Perlis, baru-baru ini. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

CA
HABAQ
MAI

Oleh
Mohd. Hafiz Abd. Mutalib
hafiz.mutalib@mediamula.com.my



BOLEH dikatakan setiap musim, khususnya sejak 2018 apabila mula ditugaskan di Perlis yang merupakan negeri kelahiran saya, banyak liputan terhadap masalah pesawah di sekitar negeri itu dilaporkan.

Daripada masalah kelewatan, kualiti, penyakit, masalah pengairan dan banyak lagi pasal benih padi sering menghiiasi dada akhbar ini.

Saya yang pada awalnya tidak berapa tahu mengenai selok-belok tanaman padi, kini sudah mula menguasainya selepas banyak bersama golongan ini khususnya apabila mereka berada dalam masalah. Saya akan berperanan menyampaikan masalah mereka.

Selalunya masalah yang diutarakan para pesawah ini mendapat perhatian pihak yang bertanggungjawab. Selesai tidak selesai, tanya pihak terbabit.

Lazimnya, dalam banyak-

“Mengambil analogi penyakit kanser, jika kita mampu mengesan lebih awal, mungkin kita mampu mencegah dan menyelamatkannya.”

banyak masalah ini, isu penyakit seperti bena perang dan padi angin antara yang menghantui pesawah.

MEROSOT

Saban tahun, pesawah menanggung kerugian berikutan masalah tersebut dengan kelewatan serta benih padi yang tidak berkualiti dikatakan menjadi antara puncanya.

Untuk rekod, dianggarkan 30,000 tan metrik hasil padi merosot dengan pesawah di negeri ini mengalami kerugian mencecah RM36 juta setahun berikutan pelbagai jenis penyakit khususnya padi angin dan bena perang.

Masalah yang dikesan berlarutan sejak lebih 10 tahun lalu itu juga

menyebabkan hasil padi merosot dalam tempoh tersebut sehingga 300,000 tan metrik dengan anggaran kerugian mencecah RM360 juta.

KANSER

Malah, musim ini juga, ramai pesawah mengadu hasil mereka merosot sehingga 50 peratus berikutan masalah tersebut.

Secara purata, pesawah yang sebelum ini mampu menghasilkan antara enam hingga tujuh tan metrik padi bagi kawasan seluas satu hektar, kini hanya tinggal sekitar lima tan metrik iaitu kemerosotan sehingga 15 peratus berikutan masalah penyakit berkenaan.

Mengambil analogi penyakit kanser, jika kita mampu mengesan lebih awal, mungkin kita mampu mencegah dan menyelamatkannya.

Begitu juga padi, kalau kita boleh mengesan sesuatu penyakit itu lebih awal, kita mampu mencegah dan menyelamatkan tanaman.

Jadi, antara 'ubat' paling berkesan dalam mencegah masalah tersebut turut bergantung kepada pesawah itu sendiri khususnya dari aspek pengamalan sawah.

Seperti yang dikongsikan Pengarah Eksekutif Dibuk Sdn. Bhd., Ezreen Muhaizie

Marzuki kepada *Utusan Malaysia* berkaitan masalah tersebut baru-baru ini, pengawalan serta pemantauan lebih awal perlu dilakukan oleh para pesawah bagi mengelak masalah tersebut menjadi lebih buruk.

Nasihatnya, para pesawah perlu memainkan peranan dengan melakukan pemantauan tanaman sejak darjawal termasuk jadual racun dan sebagainya.

DRON

Umur padi dalam tempoh 35 ke 55 hari sepatutnya sudah perlu melalui proses meracun dan jangan tunggu padi sudah berumur 70 hingga 90 hari baru mula meracun. Sesuatu penyakit perlu dicegah lebih awal sebelum mula merebak.

Lazimnya, umur padi 30 hari bena perang sudah mula berumah pada tanaman dan kita perlu mencegah lebih awal dengan meracun.

Kongsi Ezreen Muhaizie lagi, sifat pemusnah bena perang akan mula nampak apabila padi berumur 60 hari ke atas dan pada masa itu, sudah tidak boleh berbuat apa-apa lagi.

Jadi, selepas menabur, pesawah perlulah rajin-rajin turun ke bendang untuk melakukan pemantauan secara berterusan khususnya dalam mengesan

serangan penyakit ini.

Tidak dinafikan teknologi seperti dron dan sebagainya boleh membantu khususnya untuk proses meracun dan membaja, namun kita juga perlu sentiasa memantau lebih dekat perkembangan hasil tanaman itu.

Kesan kemerosotan hasil berikutan masalah penyakit dan sebagainya bukan sahaja memberi kesan kepada para pesawah sebaliknya turut menjejaskan keluaran beras negara yang setakat ini, difahamkan kita terpaksa mengimport lebih 1.2 juta tan metrik beras atau 30 hingga 35 peratus setahun bagi menampung keperluan penduduk di negara ini iaitu sekitar 3.6 hingga 3.8 juta tan metrik.

Sesuatu mesti dilakukan supaya Malaysia sekurang-kurangnya dapat bersaing dengan negara-negara Asia lain yang sudah jauh meninggalkan kita khususnya daripada hasil pengeluaran beras setiap tahun.

Diakui proses menanam padi bukannya mudah kerana pesawah perlu menanggung pelbagai risiko dan dalam soal ini, kerajaan juga perlu memainkan peranan untuk memperkasakan golongan tersebut.

PENULIS ialah Koresponden *Utusan Malaysia* Perlis.

Pergiat R&D kesihatan, pertanian

SAUDARA PENGARANG.

PENULARAN pandemik Covid-19 menyedarkan masyarakat dan kerajaan bahawa penyelidikan dan pembangunan (R&D) amat penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara.

Bidang yang amat diperlukan pada masa ini ialah R&D dalam kesihatan. Kita harus mencontohi China di mana pada 2018, negara berkenaan berada di belakang Amerika Syarikat (AS) dalam perbelanjaan R&D.

Hasilnya China mampu bersaing dengan kuasa besar dalam pelbagai bidang seperti berjaya menghasilkan vaksin Covid-19. AS pula lebih terkenal dengan vaksin Pfizer-Biotech, India dengan Bharat Biotech dan Eropah dengan vaksin Astra Zeneca.

Namun, negara Islam seperti Malaysia mendapat bekalan vaksin dari Pfizer untuk 26.5 juta rakyatnya.

Penghasilan vaksin Covid-19 menjadi kayu ukur terhadap pencapaian sesebuah negara dalam penyelidikan dan pembangunan

khususnya bidang kesihatan.

Di negara ini, bukannya tiada penyelidikan yang dijalankan di universiti tetapi hasilnya tidak direalisasikan, sebaliknya hanya disimpan sebagai rujukan akademi semata-mata.

Sudah sampai masanya kerajaan memperuntukkan perbelanjaan besar untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan bagi mengasah serta mencungkil bakat rakyat dalam bidang ciptaan dan inovasi.

Sudah pasti kita tidak mahu negara Islam hanya kekal sebagai pembeli dan pengguna selama-lamanya. Umpamanya, bidang pertanian, kita perlukan R&D untuk memajukan hasil pertanian dan mencipta mesin penanaman yang kemudian boleh dieksport.

Kesimpulannya, R&D perlu diperkasakan dalam usaha untuk Malaysia menjadi negara bermandiri.

ABDUL HAMID
Temerloh, Pahang



KEADAAN seekor kucing bunting bernama Cantik yang dibunuh dengan kejam apabila keempat-empat kakinya dikerat. - SUMBER INTERNET

Mahu hukuman berat ke atas penganiaya haiwan

SAUDARA PENGARANG.

KEJAM dan tidak berperikemanusiaan terhadap seekor kucing bunting bernama Cantik baru-baru ini amat dikesali.

Kucing tersebut ditemui mati dengan keempat-empat kakinya dikerat oleh pemiliknya, Mur Salina Junaidi, 20, dalam sebuah kotak yang ditutup dengan kertas surat khabar.

Ekoran tindakan kejam itu, Mur Salina membuat laporan polis di Balai Polis Gombak dan kes dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk siasatan lanjut.

Perbuatan menganiaya haiwan peliharaan ini amat dikesali. Justeru, saya menggesa pihak berkuasa segera menyasat dan mengambil tindakan tegas serta hukuman berat ke atas mereka yang bertindak kejam.

Paling menyedihkan, Cantik yang sedang bunting hanya menunggu masa untuk melahirkan anak. Saya meminta sesiapa yang mempunyai maklumat tentang kejadian ini memberi kerjasama kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan lanjut.

ZULKIFLI YUSUF
Aktivis Alam Sekitar
Bayan Baru, Pulau Pinang

KOPSTAR sedia padang ragut bantu penternak

KUALA TERENGGANU: Koperasi Asas Tani Batu Rakit Terengganu Berhad (KOPSTAR) mengambil inisiatif mewujudkan padang ragut seluas 50 ekar bagi mengekang masalah haiwan ternakan berke-
harian.

Pegawai Penyelaras Dewan Undangan Negeri (Dun) Batu Rakit, Mohd Shafizi Ismail berkata, usaha itu turut berpeluang memacu industri penternakan lembu dengan kaedah fidlot secara berkelompok.

Kata beliau pihaknya menyewa kawasan seluas 50 ekar di Bukit Lingal daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi mewujudkan kawasan padang ragut.

"Usaha itu bagi meningkatkan pengeluaran bekalan makanan ternakan untuk manfaat lebih 100 penternak di Dun Batu Rakit.

"Sebelum ini lembu dan kerbau dilepaskan merata tempat sehingga menjadi punca berlaku kemalangan jalan raya.

"Kita ambil tanggungjawab menyelesaikan masalah itu dengan projek ini bagi membantu penternak mendapat bekalan rumput," katanya ketika ditemui di sini.

Menurutnya juga kawasan seluas 20 ekar sedang diusahakan bagi fasa pertama iaitu penanaman rumput minyak (*brachiaria humidicola*) dan rumput gajah (*napiier*).

Kata beliau rumput tersebut boleh dituai selepas tempoh enam bulan.

Manakala fasa kedua disasarkan untuk memasuki ternakan peserta yang berdaftar dengan KOPSTAR.

"Ini perancangan yang agak besar di Dun Batu Rakit. Kita telah hubungi banyak pihak untuk bekerjasama dalam projek ini.

"Selain itu, selaras dengan Tahun Pertanian Terengganu 2021 kita berharap projek ini dapat pertalian agar disenarai dalam kal-

endar pertanian negeri, ujarnya.

Sementara itu Pengerusi KOPSTAR, Azli Sulaiman berkata, projek padang ragut rakyat itu melibatkan kos kira-kira RM2 juta termasuk membangunkan infrastruktur kompleks operasi.

Konsep fidlot

Kata beliau pihaknya akan menggunakan konsep fidlot yang mana lebih menjimatkan ruang dan boleh mempelbagaikan ternakan.



Projek tanaman rumput diadakan secara gotong royong.



Padang ragut Bukit Waa.

"Kita hendak modenkan industri supaya hasilnya banyak, kos sikit dan manfaat dapat dirasakan orang ramai.

"Projek itu dijalankan secara gotong-royong melibatkan peserta berdaftar dan secara komersial. Bekalan benih rumput diperolehi hasil sumbangan peserta dan pelbagai pihak," tambahnya.

Selain bekalan rumput hijau KOPSTAR memfokus penghasilan rumput kering menggunakan rumput gajah sebagai stok makanan ternakan ketika musim tengkujuh.

Makanan rumput kering mampu bertahan sehingga dua tahun.

"Kita juga sasarkan jualan produk kepada kilang pembuat makanan ternakan yang memerlukan bahan mentah dengan harga pasaran RM300 hingga RM350 per tan bagi rumput kering.

"Selain itu bagi rumput segar harga pasaran antara 30 hingga 35

sen sekilogram," jelasnya.

Tambah Azli, usaha itu membolehkan penternak mendapatkan harga rumput segar serendah 10 sen sekilogram.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar membenarkan kawasan seluas 50 ekar itu dibangunkan KOPSTAR sebelum fasa kedua dilaksanakan.

Azli juga berkata, benih rumput ditanam setiap minggu secara bergotong-royong oleh penduduk kampung.

"Geografi tempat tersebut yang bercerun dan berbukit begitu mencabar kerana penyediaan tanah menggunakan jentera agak terhad.

"Kita juga berdepan masalah bekalan air kerana pada peringkat awal benih ditanam memerlukan air yang banyak. Selain itu gangguan binatang liar.

"Namun kami berharap projek terbabit berjaya untuk jangka masa panjang," katanya.

